


Etika Kesantunan

Sidek Baba

Etika kesantunan ialah tatacara yang meraikan dan ihsan. Walaupun berlaku perbezaan pandangan dan pendapat, tetapi dapat dileraikan dengan rundingan dan dialog. Menginsafi bahawa dalam masyarakat terdapat strata atau perbezaan kedudukan atau status, etika kesantunan menjadi pedoman supaya perbezaan tidak menjadi jurang dan merenggangkan hubungan yang menyebabkan yang kaya menjadi bertambah sombong dan yang miskin

terus dihina. Etika kesantunan mendidik manusia agar kerjasama dan muafakat sentiasa menjadi asas kerukunan dan tanggungjawab bersama untuk mengatasi kepincangan yang berlaku.

Etika kesantunan amat dituntut dalam realiti di Malaysia. Umat Islam harus menampilkan watak yang jadi ikutan orang lain supaya tidak berlaku salah faham terhadap agama Islam. Warga bukan Islam juga hendaklah cuba memahami perbezaan anutan dan kelainan kefahaman supaya berlaku proses kenal-mengenal (*litaarrafu*). Gejala Islamofobia yang berlaku di Barat sering dikaitkan dengan Islam sebagai agama ekstrem, ganas dan fundamentalis. Islam agama



sejahtera. Salah faham berlaku disebabkan provokasi media yang berlebih-lebihan, hegemoni politik, ketenteraan dan ekonomi menyebabkan muncul penentangan seperti yang berlaku di Palestin, Syria dan Iraq. Hal ini menyebabkan imej Islam kelihatan negatif.

Kini semakin banyak negara Arab mengiktiraf Israel sedangkan orang Palestin tidak berhenti dizalimi. Etika kesantunan semakin pupus, manakala kezaliman pula mengambil tempat sehingga menyebabkan kesengsaraan kerana sifat kemanusiaan yang semakin hilang. Kuasa dan ketenteraan yang menjadi ukuran kekuatan juga menyebabkan manusia kehilangan etika untuk menyantuni negara kecil dan kelompok terpinggir terutama dalam kalangan umat Islam sehingga kesengsaraan terus dirasai tanpa pembelaan kemanusiaan.

Al-Quran memberikan pedoman menerusi ayat *Lakum dinukum waliyadin* yang bermaksud, "Bagi kamu agama kamu dan kami agama kami". Pedoman ini amat relevan dengan situasi Malaysia yang majmuk kerana agama asas penting untuk mengatur kehidupan manusia. Walaupun berbeza dari segi akidah, nilai interaktif yang ada dalam agama boleh membina etika kesantunan yang membawa kepada persefahaman, lalu mewujudkan keharmonian hubungan. Dalam situasi kecenderungan terhadap sesuatu kaum, maka memperkasakan kuasa beli dalam pertumbuhan ekonomi menjadi indikator. Hal ini menyebabkan berlaku jurang kaya dan miskin yang semakin luas hingga membibitkan kecurigaan yang boleh mencetuskan konflik antara kaum. Oleh itu, etika atau tatacara kesantunan amat relevan bagi mewujudkan suasana harmoni dan saling memahami dalam masyarakat yang majmuk.

Etika kesantunan ini mengandungi nilai yang memberikan petunjuk dan pedoman kepada manusia supaya tatacara kehidupan bersesuaian dengan tuntutan fitrah. Fitrah insan memerlukan sikap amanah, jujur, ikhlas dan adil supaya kezaliman tidak berlaku. Manusia sentiasa mengharapkan kebaikan

dalam kehidupan supaya kedamaian dan kesejahteraan hidup terserlah.

Secara manusiawi, banyak faktor keinsanan yang boleh dikongsikan, seperti sifat tolak ansur, prihatin terhadap orang yang susah, meraikan kepelbagaian warna kulit tanpa perasaan iri hati dan kesediaan untuk menyumbang kepada sesiapa yang memerlukan. Selain itu, sifat keinsanan yang tinggi akan melahirkan insan yang terbuka dan bersedia untuk bertukar-tukar pandangan dan berdialog secara sihat dan matang. Akhirnya, wujud perasaan kecintaan kepada negara dan sanggup berkorban untuk menyumbang ke arah kestabilan sosial dan politik yang matang.

Semangat kewatanan perlu dipupuk supaya wujud nilai kebersamaan agar tidak timbul iri hati dan cemburu yang menyebabkan pertimbangan manusiawi tergugat sehingga perasaan cinta kepada negara menipis dan sikap perkauman semakin menebal. Tanpa keinsanan yang ihsan, iaitu kasih sayang semasa manusia akan menyebabkan konflik yang tidak berkesudahan lantaran kecenderungan sifat membeza-bezakan dan merasakan diri lebih hebat daripada yang lain. Sedangkan hakikat yang perlu diakui bahawa setiap manusia berpotensi menyumbang untuk kebaikan orang lain dan menyuburkan persefahaman dan mahabbah. Semangat berkenal-kenalan dalam erti kata yang luas seperti yang dianjurkan oleh al-Quran pula tidak dihayati dengan baik.

Oleh hal yang demikian, etika kesantunan perlu disuburkan supaya perubahan dan kemajuan yang dicapai bagi memberikan makna terhadap toleransi dan perpaduan. Pencapaian ekuiti atau pegangan kuasa beli dalam ekonomi tidak harus berlaku kerana situasi ini menyebabkan monopoli dan perasaan iri hati, serta mengetepikan matlamat untuk merapatkan jurang perbezaan. Rahmat dan nikmat yang dikurniakan oleh Tuhan seharusnya tidak menyuburkan sikap tamak dan diskriminasi suatu kaum sehingga pihak lain berada dalam kedaifan dan ketinggalan.

Isu ini memerlukan hati yang jernih dan sikap meraikan. Hati yang tepu dengan dendam kesumat dan perasaan perbezaan yang melampau akan membantutkan hubungan dua hala. Jalan pelebaran tertutup kerana masing-masing merasakan bahawa mempertajam perbezaan merupakan jalan yang terbaik. Tuhan memberikan akal dan hati supaya manusia dapat berfikir akan rahsia Tuhan yang menjadikan manusia dan kehidupan berpasang-pasangan dengan pelbagai perbezaan. Perbezaan yang diterima dengan terbuka akan mewujudkan persefahaman yang akan menyantuni persamaan dan menjelmakan budaya kesalingan antara manusia.

Sehubungan dengan itu, setiap warga hendaklah mempunyai tekad yang tinggi untuk menjernihkan hubungan sosial dan mendukung Perlembagaan Negara sebagai tunggak perubahan dan kemajuan. Faktor memahami sejarah menjadikan kita lebih insaf bahawa persefahaman antara kaum amat penting. Etika kesantunan merupakan faktor sangat penting supaya nilai kebersamaan akan menjadikan persefahaman sebagai keutamaan supaya generasi hari depan memahami pentingnya persefahaman dan tolak ansur bagi mengekalkan keharmonian.

Ada dua faktor penting yang boleh memperkasakan etika kesantunan supaya Malaysia memiliki kemajuan yang menyeluruh seperti yang dipikikan. Pertama mewujudkan dasar pendidikan yang manusiawi dan integratif. Kedua membudayakan aplikasi media sosial yang banyak mempengaruhi pemikiran dan cara

hidup warga Malaysia, khususnya generasi muda. Dua faktor ini amat rapat hubungannya. Pendidikan yang bersifat manusiawi bakal membentuk fikrah atau pemikiran untuk membina etika kesantunan, manakala aplikasi media sosial pula dipandu dengan etika dan nilai agar penggunaannya terarah. Dasar pendidikan yang manusiawi menitikberatkan aspek etika dan nilai supaya penghayatan ilmu dan pendidikan yang dilaksanakan berteraskan pedoman yang memberikan manfaat.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menetapkan hasrat pembentukan peribadi seimbang dan harmoni sebagai matlamat. Pada pendapat penulis, bagi memastikan kejayaan FPK, aspek etika dan nilai murni hendaklah terus diperkasakan agar dihayati dalam kurikulum, kokurikulum dan ekstra kurikulum supaya proses pengajaran dan pembelajaran etika dan nilai murni menjadi amalan dalam kehidupan.

Pendidikan bukan hanya pemindahan ilmu, maklumat dan kemahiran, tetapi merupakan proses transformasi diri. Ilmu yang benar dan berguna, maklumat yang baik dan berfaedah, kemahiran yang kreatif dan inovatif yang dipandu oleh etika dan nilai bakal menghasilkan sikap, pemikiran dan amalan yang manusiawi. Hal ini selari dengan etika kesantunan supaya ilmu yang benar dijadikan pedoman. Sebagai contoh, sikap menghormati ibu bapa dan orang tua, serta ungkapan terima kasih dan syukur yang sentiasa menjadi amalan dalam kehidupan. Etika kesantunan mengelakkan kita menjadi

Teknologi yang tidak dipandu oleh etika kesantunan boleh menyebabkan saluran media sosial menjadi penyebab kerosakan hubungan sesama manusia. Dengan etika kesantunan, alat digunakan untuk memberikan maklumat yang baik kepada warga Internet, ilmu yang berfaedah untuk pelajar dan program yang memberikan kesan baik kepada masyarakat.

sombong dan takbur sehingga memandang rendah terhadap orang lain, lalu menyebabkan budaya kemasyarakatan menjadi pincang.

Bagi menghadapi gelombang media sosial, khususnya dalam kalangan generasi muda, etika kepenggunaan menjadi suatu keutamaan. Tanpa etika kepenggunaan, media sosial boleh menjadi saluran fitnah, maki hamun, hujah yang tidak rasional, tempelak yang menyinggung, terdedah dengan bahan yang mudarat dan tidak menambah kekayaan akal budi pengguna. Kebebasan penggunaan media sosial ini telah menjadi landasan umpat keji dan penggunaan kata-kata jelik yang tidak membayangkan pengguna sebagai orang beradab dan terdidik.

Sifat teknologi akan terus berkembang dan maju. Teknologi yang tidak dipandu oleh etika kesantunan boleh menyebabkan saluran media sosial menjadi penyebab kerosakan hubungan sesama manusia. Dengan etika kesantunan, alat digunakan untuk memberikan maklumat yang baik kepada warga Internet, ilmu yang berfaedah untuk pelajar dan program yang memberikan kesan baik kepada masyarakat. Etika kesantunan ini hendaklah dimulakan di rumah, kemudian disambung di pusat pendidikan agar nilai yang baik tersemat utuh dalam diri. Kedewasaan juga berkembang seiring dengan sikap tanggungjawab yang tinggi dan etika kesantunan sentiasa menjadi pedoman supaya tidak menjadi manusia yang mementingkan diri sendiri.

Pendidikan yang manusiawi memberikan tumpuan kepada pemeraksanaan akal dan pemikiran yang jernih, pengukuhan hati dengan menjadikan niat telus dan tulus, serta menjadikan amal seiring dengan akal dan niat. Kepincangan yang berlaku pada hari ini apabila manusia kuat bekerja, tetapi tidak selari dengan ibadat. Pengetahuannya banyak dengan pelbagai disiplin, tetapi gagal menyantuni fitrah manusia. Keterampilan sains dan teknologinya tinggi, tetapi kecenderungan untuk disalah guna juga tinggi akibat tidak dipandu oleh nilai-nilai murni yang bersifat *Qurani* dan menepati sunah Rasulullah SAW.

Proses pendidikan memberikan makna dalam pembinaan watak menerusi pendidikan integratif. Etika dan nilai dipupuk sama dengan ilmu dan kemahiran. Nilai baik, jujur, amanah, adil, bijaksana dan kesalingan menjadi faktor penting bagi membentuk etika kesantunan supaya budaya prihatin terserlah dan menjadi amalan masyarakat Malaysia. Dari situ, lahir generasi yang mengalami perubahan dan kemajuan, tetapi etika dan nilai menjadi pegangan dan anutan. Etika dan nilai yang *Qurani* sifatnya sentiasa mendidik manusia yang memiliki ilmu yang benar dan bermanfaat bagi menyejahterakan manusia. Etika dan nilai *Qurani* selamanya menjadi pedoman dan petunjuk kepada manusia kerana manusia sering mencari makna sebenar kehidupan.

Amalan tanpa etika dan nilai menyebabkan aplikasi nilai tidak berlaku. Berbahasa baik secara lisan dan tulisan hendaklah dipupuk supaya hubungan sosial menjadi

baik dan ramah. Berbeza pendapat jangan sampai menyebabkan konflik. Menghargai persamaan dan toleransi terhadap perbezaan merupakan rukun sosial yang utama. Kelebihan dari segi ilmu dan pengalaman seharusnya membantu golongan yang kurang ilmu dan pengalaman. Kekayaan yang ada harus mendorong kita untuk membantu yang susah supaya yang miskin dan susah tidak terbiar begitu saja.

Etika baik dan nilai murni harus bergerak seiring dengan pengajaran dan pembelajaran supaya ilmu dan keterampilan yang diberikan bersifat patuh nilai (*value laden*) bukan bebas nilai (*value free*). Patuh nilai memberikan makna kepada sesuatu ilmu dan keterampilan supaya tidak berlaku salah guna. Dengan itu, pengguna sentiasa dipandu dengan etika baik dan nilai murni apabila ingin melakukan sesuatu. Apabila kebaikan menjadi resam dalam amalan, masyarakat akan membentuk tabiat baik dengan etika kesantunan yang menjadi lambang insan berbudi.

Tuntasnya, ilmu dan keterampilan tanpa pedoman etika dan nilai boleh menyebabkan tabiat lepas bebas berlaku. Kesannya, etika kesantunan terpinggir dan mendorong kita melakukan sesuatu tanpa membuat pertimbangan kemanusiaan. Bahkan, keangkuhan dan kesombongan pula mengambil tempat. Hal ini perlu dielakkan untuk menjaga hubungan sesama manusia. Apatah lagi jika amalan tersebut terhubung dengan Allah SWT, maka timbul rasa takwa yang tinggi menyebabkan apa-apa yang dibuat, dilafazkan, ditulis dan dikaji sentiasa dalam keinsafan kepada Allah Maha Mengetahui. ●